

SULIT

SOALAN NO. 119

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN [PERTANYAAN DI BAWAH PM.22(5)]

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN R.SIVARASA
[SUBANG]**

TARIKH : 23 MEI 2016

SOALAN :

YB Tuan R.Sivarasa [Subang] minta **Perdana Menteri** menyatakan kenapa dalam PRN Sarawak pada 28hb Mei 2016, Suruhanjaya Pilihan Raya mengumumkan kehadiran pengundi (*voter turnout*) 52% pada 4 petang dan tidak umum apa-apa jumlah secepat mungkin selepas pengundian tutup pada 5 petang dan hanya beberapa jam selepas tiba-tiba mengumumkan jumlah pengundi yang membuang undi sebagai 70%.

SULIT

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kehadiran pengundi (voter turnout) 52% yang diumumkan SPR pada 4 petang adalah maklumat awal peratus keluar mengundi dalam PRN tersebut. Peratus tersebut dikira berdasarkan bilangan pengundi yang telah mengundi dalam setiap Saluran Tempat Mengundi yang dihantar oleh Ketua Tempat Mengundi(KTM) ke Bilik Gerakan PRN melalui SMS. Pada jam 4 petang hanya 60% KTM dapat menghantar maklumat bilangan pengundi yang telah mengundi ke Bilik Gerakan PRN manakala 40% KTM tidak dapat menghantar maklumat disebabkan oleh berbagai-bagai faktor. Ini menyebabkan peratus kehadiran yang dikeluarkan lebih rendah. Manakala peratus muktamad iaitu 70% jumlah pemilih yang mengundi diperolehi setelah maklumat dalam Borang Penyata Penjumlahan Rasmi Undi(Borang 16) yang diterima daripada 80 orang Pegawai Pengurus Bahagian Pilihan Raya yang dipertandingkan diproses oleh sistem komputer di Bilik Gerakan PRN. 2 Bahagian Pilihan Raya tidak dipertandingkan kerana calon Menang Tanpa Bertanding.

Sekian, terima kasih.